

B543:

MAHATHIR-GAJI 1982

1982

KUALA LUMPUR, 23 JAN. (BERNAMA) -- KEISTIMEWAAN-KEISTIMAWAAN KINI DINIKMATI OLEH PARA MENTERI, TIMBALAN MENTERI DAN SETIAUSAHA PARLIMEN MUNGKIN AKAN DIKURANGKAN KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA KADAR PENGURANGANNYA AKAN DIUMUMKAN TIDAK LAMA LAGI.

+SAYA MASIH MENELITI PERKARA ITU +TAMBAH BELIAU KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MEMPENGERUSIKAN SIDANG MAJLIS TERTINGGI UMNO YANG PERTAMA BAGI TAHUN INI DI IBU PEJABAT UMNO DI SINI. -- BERSAMBUNG 1513/1B

B550

MAHATHIR - GAJI 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUSA BERKATA HAMPPIR SEMUA PARA MENTERI, TIMBALAN MENTERI, SETIAUSAHA PARLIMEN DAN MENTERI BESAR TELAH MENGISYTIHARKAN HARTA MASING-MASING TERUS KEPADANYA.

HANYA DUA TIGA ORANG SAHAJA YANG MASIH BELUM MENGEMUKAKAN BORANG MASING-MASING KERANA BELUM MEMPEROLEHI BUTIR-BUTIR YANG DIKEHENDAKI.

KATANYA, TIDAK ADA JANGKA MASA YANG DITETAPKAN BAGI MEREKA MENGHANTARKAN BORANG TERSEBUT DAN BELIAU MENJANGKAKAN MEREKA YANG MASIH BELUM BERBUAT DEMIKIAN AKAN MENGHANTAR BORANG MASING-MASING TIDAK LAMA LAGI. -- BERSAMBUNG 1540/MK

B551

MAHATHIR - GAJI 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI MENJELASKAN MEREKA YANG DIDAPATI MENGUMPULKAN HARTA DENGAN CARA-CARA YANG DIRAGUKAN AKAN DIAMBIL TINDAKAN.

+MEREKA AKAN KEPADA PIHAK POLIS SERTA PIHAK YANG BERKUASA DAN MEREKA PERLU MENJAWAB SEGALA SIASATAN YANG DIBUAT KE ATAS MEREKA, + TAMBAH BELIAU. -- BERNAMA 1541/MK